

08/06/2002

Jangan gerun sahut cabaran: Pak Lah

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta pelajar Melayu tidak berasa gerun untuk menyahut cabaran supaya cemerlang dalam bidang akademik setanding bangsa lain.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri berkata, pelajar Melayu hendaklah melihat cabaran itu sebagai satu peluang untuk membuktikan bahawa mereka mampu mencapai kecemerlangan itu, malah lebih baik daripada bangsa lain.

"Jangan lihat kecemerlangan itu sebagai masalah tetapi peluang untuk buktikan keupayaan kita. Ketepikan perasaan gerun, takut, bimbang dan sebagainya. Jika inilah sikap yang ada pada pelajar Melayu, mereka akan capai kecemerlangan dalam pendidikan.

"Kita tidak mahu orang akan mengatakan apabila berbicara soal kecemerlangan, orang Melayu seolah-olah mahu lari atau tidak ingin berbuat sesuatu untuk mencapainya," katanya berucap merasmikan Seminar Kecemerlangan dan Kepimpinan Mahasiswa Melayu Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2002 di Kompleks Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Hadir sama pada perasmian seminar tiga hari anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) itu ialah Naib Canselor UTM, Datuk Prof Ir Dr Mohd Zulkifli Tan Sri Mohd Ghazali dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Prof Dr Mohamed Mansor Abdullah.

Abdullah berkata, keupayaan mencapai kecemerlangan itu bukan sesuatu yang mustahil kerana sudah ramai pelajar Melayu yang sudah membuktikannya.

Kejayaan ini mampu dicapai selepas orang Melayu sanggup melalui proses transformasi yang hebat kerana dasar yang dilaksanakan kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Sikap berdolak-dalik, mengatakan susah, mengharapkan bantuan dan mentaliti subsidi mesti dihapuskan dan digantikan dengan sikap yakin," katanya.

Timbalan Perdana Menteri juga menasihatkan pelajar Melayu yang berjaya mencapai kecemerlangan itu berusaha untuk menjadi lebih cemerlang.

Mereka wajar mencontohi sikap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sentiasa berusaha menjadi pemimpin negara yang lebih baik walaupun beliau sudah dikagumi dunia.

"Kalau kita sudah mencapai kecemerlangan, kita mesti berusaha untuk menjadi yang cemerlang di kalangan yang terbilang," katanya.

Selepas majlis perasmian itu, Abdullah mengadakan sesi dialog tertutup selama setengah jam bersama pelajar IPTA terbabit.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Abdullah berkata beliau turut menasihatkan pelajar Melayu supaya menguasai bahasa Inggeris yang bukan saja bahasa utama dunia tetapi bahasa pengantar kepada ilmu sains dan teknologi.

(END)